



# Rancang Pembayaran Cukai Elakkan Penalti

**U**NTUK membayar cukai pendapatan, perancangan cukai yang berkesan amatlah digalakkan bagi memastikan cukai yang dibayar adalah tepat dan tidak membebankan pembayar cukai serta agensi percukaian. Dalam amalan percukaian, perancangan cukai dibenarkan oleh undang-undang percukaian asalkan perancangan tersebut tidak membawa pembayar cukai ke arah pengelakan cukai dan melarikan cukai yang jelas mempunyai konotasi dan maksud yang berbeza. Perancangan cukai yang mematuhi aspek peruntukan undang-undang boleh mengurangkan jumlah cukai yang perlu dibayar dan memberikan situasi menang-menang kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan pembayar cukai.

Di Malaysia, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) tidak menerangkan secara spesifik tentang perancangan cukai yang berkesan yang perlu diaplikasikan oleh setiap pembayar cukai. Akta tersebut hanya menerangkan peruntukan yang berkaitan dengan percukaian yang perlu dipatuhi oleh pembayar cukai. Namun demikian, jika dilihat

dari perspektif yang lebih luas, ACP 1967 ialah akta yang mempunyai inti pati perancangan cukai yang berkesan. Berdasarkan peruntukan dalam akta tersebut, pembayar cukai boleh mengaplikasikan beberapa seksyen dan peruntukan bagi merancang cukai dengan lebih berkesan.

Beberapa kaedah dapat diaplikasikan dalam perancangan cukai. Pertama, dengan memastikan pengisian dan penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dilakukan seawal yang mungkin, sebaik-baik musim pemfailan bermula. Musim pemfailan cukai di Malaysia bermula secara rasminya pada 1 Mac setiap tahun bagi borang Individu Penggajian (BE) dan Individu Perniagaan (B). Pembayar cukai kategori borang BE wajib menghantar borang mereka sebelum atau pada 31 April tahun taksiran. Pembayar cukai kategori borang B pula wajib menghantar borang mereka sebelum atau pada 30 Jun tahun taksiran.

Dalam hal ini, pembayar cukai perlu siap siaga dan memastikan semua maklumat yang diperlukan untuk menghantar borang, seperti resit, penyata kewangan, dan penyata gaji tahunan disediakan

lebih awal supaya proses penghantaran borang tidak terganggu. Antara kelebihan menghantar borang cukai awal termasuklah kurangnya kesilapan yang akan berlaku. Penghantaran borang cukai dalam keadaan yang tergesa-gesa dan kurang maklumat di tangan mengundang berlakunya kesilapan seperti kesalahan pengiraan cukai dan kesilapan memasukkan maklumat peribadi.

Kesan daripada kesilapan dalam borang cukai ini menyebabkan borang tersebut dimajukan kepada audit cukai cawangan fail pembayar cukai, lantas akan mendedahkan risiko kepada taksiran tambahan jika terkurang lapor. Di samping itu, LHDNM mempunyai polisi untuk memulangkan semula borang cukai (borang tidak lengkap) kepada pembayar cukai jika borang yang dikemukakan tidak ditandatangani atau BNCP yang difotokopi. Pembayar cukai perlu segera menurunkan tandatangan dan mencetak BNCP mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh LHDNM dan perlu dikembalikan semula kepada LHDNM dengan kadar segera. Dalam situasi seperti ini, pembayar cukai akan terdedah dengan risiko kelewatan penghantaran borang cukai yang boleh membawa kepada denda dan penalti di bawah Subseksyen 112(3) (ACP 1967). Kadar penalti yang dikenakan bergantung pada tempoh kelewatan mengemukakan BNCP berdasarkan tarikh yang ditetapkan (rujuk Jadual 1).

Kadar penalti akan dikenakan berdasarkan jumlah cukai yang dikenakan pada tahun taksiran (rujuk Jadual 2 sebagai contoh). Situasi berdasarkan Jadual 2 menunjukkan kesilapan mudah yang sepatutnya dapat dielakkan, tetapi kerana lewat mengemukakan BNCP pada masa yang ditetapkan, pembayar cukai terpaksa membayar jumlah penalti.

Di samping itu, pembayar cukai juga terdedah dengan risiko penalti di bawah Subseksyen 113(2) (ACP 1967), iaitu kesalahan melaporkan maklumat dalam BNCP. Pembayar cukai boleh dikenakan denda minimum RM1000 hingga RM10 ribu dan penalti sebanyak 200 peratus atas cukai yang terkurang lapor.

Kaedah seterusnya adalah membayar baki cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Konsep pengemukaan BNCP ialah isi, hantar dan bayar. Setelah pembayar cukai mengisi dan menghantar BNCP mereka, pembayar cukai harus membayar baki cukai yang perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Sebagai contoh, Potongan Cukai Bulanan (PCB) Encik Ali sebanyak RM500, namun selepas pengiraan dilakukan, beliau perlu membayar jumlah cukai tambahan sebanyak RM300. Oleh itu,

Jadual 1 Kadar penalti atas kelewatan.

Tempoh Masa Kelewatan	Kadar Penalti (%) atas Cukai yang Dikenakan
Sehingga 12 bulan	20
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	25
Melebihi 24 bulan hingga 36 bulan	30
Melebihi 36 bulan	35

Jadual 2 Penalti kerana lewat menghantar BNCP.

**Contoh 1: Penalti atas Kelewatan Menghantar BNCP**

Encik Ahmad mengemukakan borang BE tahun taksiran 2015 pada 30 Mei 2016. Encik Ahmad boleh dikenakan penalti sebanyak 20 peratus daripada jumlah cukai yang perlu dibayar atas kelewatan tersebut.

Jumlah cukai:  $RM1000 \times 20\% = RM200$  (Jumlah penalti)

Jumlah cukai (termasuk penalti) yang perlu dibayar:  
 $RM1000 + RM200 = RM1200$

Jadual 3 Mes kenaikan cukai.

**Contoh 2: Mes Kenaikan Cukai**

Puan Nik telah mengemukakan borang BE tahun taksiran 2015 kepada LHDNM dan jumlah cukai yang perlu dibayarnya sebanyak RM3000.00. Namun begitu, dia gagal melunaskan bayaran tersebut dalam masa yang ditetapkan dan melebihi 60 hari daripada tarikh akhir 30 April 2015.

Jumlah cukai:

$RM3000 \times 10\%$  (penalti kerana lewat bayar — > 30 April 2015)  
 $= RM3000 \times 5\%$  (penalti kerana lewat bayar — > 60 hari)

Jumlah cukai yang perlu dibayar: **RM3465**

baki RM300 perlu dibayar sebelum atau pada 30 April tahun taksiran.

Jika pembayar cukai gagal melunaskan bayaran dalam tempoh tersebut, dia akan dikenakan 10 peratus kenaikan daripada jumlah cukai yang perlu dibayar dan lima peratus tambahan selepas 60 hari daripada tarikh akhir BNCP sepatutnya dihantar lalu menjadikannya sebanyak 15 peratus kenaikan cukai daripada asal seperti yang disebut dalam Subseksyen 103(3) dan 103(4) (ACP 1967).

Begitu juga dengan pembayaran baki cukai bagi pembayar cukai kategori pendapatan individu perniagaan (B) yang perlu dibayar pada atau sebelum 30 Jun setiap tahun taksiran. Jika pembayar cukai gagal merancang pembayaran tunggakan baki cukai, mereka akan terdedah dengan risiko dikenakan kenaikan cukai atas jumlah cukai yang perlu dibayar seperti Jadual 3.

Malahan dalam sesetengah keadaan, pembayar cukai mungkin gagal bagi mengemukakan borang dan bayar cukai serentak dalam tempoh masa yang ditetapkan, sekali gus pembayar cukai bakal dikenakan penalti atas dua kesalahan yang berbeza, iaitu kelewatan mengemukakan BNCP dan kegagalan membayar cukai jika ada baki yang terkurang.

Pembayar cukai boleh mengelakkan hal sedemikian berlaku jika bertanggungjawab sepenuhnya dengan mengisi, menghantar dan membayar pada masa yang ditetapkan. Pembayar cukai tidak boleh memberikan alasan tidak mempunyai masa untuk membayar cukai pendapatan kerana LHDNM menyediakan akses pembayaran cukai yang luas kepada pembayar cukai. Perkhidmatan e-services dalam talian yang disediakan oleh LHDNM misalnya, kini mempunyai 15 rangkaian e-services, yang bermula dengan pengisian borang sehinggalah pembayaran cukai, yang dapat diakses terus di pautan <https://ez.hasil.gov.my/CI/>.

**Pelepasan cukai yang dituntut mestilah disokong dengan resit dan bukti pembayaran, manakala jumlah yang dituntut mestilah betul.**

Sebagai contoh, pembayar cukai boleh mengisi borang mereka menggunakan perkhidmatan e-filing daripada mengisi secara manual (borang kertas). Menerusi e-filing, segala maklumat dihantar dan disimpan dalam pangkalan data, sekali gus meminimumkan risiko kehilangan borang yang diposkan oleh pembayar cukai. Oleh itu, pembayar cukai dapat mengurangkan risiko kelewatan menghantar borang cukai mereka dan meminimumkan risiko dikenakan penalti.

Perancangan cukai yang seterusnya adalah bagi menuntun pelepasan dan perbelanjaan yang dibenarkan di bawah ACP 1967. Antara kesilapan besar yang dilakukan oleh pembayar cukai termasuklah tidak menuntun pelepasan yang layak dituntut dan perbelanjaan yang dibenarkan. Lazimnya, pembayar cukai akan merungut kerana PCB dan jumlah cukai mereka agak tinggi. Namun begitu, beban jumlah cukai tersebut boleh dikurangkan jika pembayar cukai menuntun pelepasan yang layak bagi borang BE dan borang B serta perbelanjaan yang dibenarkan bagi borang B.

Walaupun bagaimanapun, pelepasan cukai yang dituntut mestilah disokong dengan resit dan bukti pembayaran, manakala jumlah yang dituntut mestilah betul. Jika pembayar cukai terlebih tuntut daripada jumlah yang sepatutnya, pembayar cukai

boleh dikenakan taksiran tambahan kerana salah lapor maklumat pelepasan di borang cukai mereka, sekali gus menaikkan jumlah cukai yang perlu dibayar kepada LHDNM. Maklumat jenis pelepasan ini dapat diakses di pautan [www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/7\\_Pelpsan\\_Ptgan\\_Rebat\\_Cukai.pdf](http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/7_Pelpsan_Ptgan_Rebat_Cukai.pdf).

Selain itu, pembayar cukai yang menghantar borang B boleh menuntun pelepasan dan perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan di bawah ACP 1967. Antara jenis perbelanjaan yang dibenarkan termasuklah bayaran gaji kepada pekerja, caruman KWSP pekerja, elau modal, sewa premis perniagaan dan perbelanjaan pembaikan bagi premis serta kenderaan yang digunakan untuk perniagaan.


Banyak pembayar cukai yang tidak tahu bahawa pengubahsuaian premis perniagaan yang mempunyai pekerja orang kelainan upaya (OKU) juga termasuk sebagai perbelanjaan yang

dibenarkan, misalnya pengubahsuaian lantai landai dan tempat letak kenderaan mesra OKU. Semua jenis perbelanjaan ini boleh dituntut oleh pembayar cukai semasa mengisi borang B, tetapi semua rekod pembelian, pengubahsuaian, resit, invois, dan dokumen yang berkaitan perlu disimpan untuk tujuan audit pada masa hadapan.

Kaedah merancang cukai yang seterusnya adalah dengan memasukkan nombor akaun bank semasa mengisi borang cukai bagi tujuan bayaran balik cukai. Nombor akaun bank yang sah atas nama pembayar cukai diperlukan agar bayaran balik menerusi *Electronic Fund Transfer* (EFT) dapat dilakukan dalam tempoh 30 hari bekerja selepas penghantaran BNCP. Bayaran balik menerusi EFT memudahkan kerja LHDNM dan menyenangkan pembayar cukai kerana tidak perlu ke kaunter bank CIMB bagi menuai baucar bayaran balik cukai (BBBC) yang dikuatkuasakan pada tahun ini.

Di samping itu, terdapat beberapa kaedah pengisian yang efektif yang boleh diaplikasi semasa melaporkan pendapatan kepada LHDNM. Sebagai

**Segala bil dan resit bagi perbelanjaan yang boleh dituntut harus disimpan untuk tujuan audit.**



contoh, bagi pasangan yang sudah berkahwin, mereka digalakkan untuk memilih taksiran berasingan berbanding dengan taksiran bersama. Jika pasangan memilih taksiran berasingan, masing-masing akan menerima pelepasan individu maksimum RM9000.

Jika isteri memilih untuk taksiran bersama atas nama suami, maka suami hanya menerima tambahan pelepasan individu isteri berjumlah RM3000. Pembayar cukai juga perlu tahu bahawa jika pendapatan bercukai mereka tidak melebihi RM35 ribu, mereka layak menuntut rebat individu sebanyak RM400. Pembayar cukai yang membayar zakat fitrah dan pendapatan pula boleh menuntut rebat zakat yang dibayar kepada institusi zakat yang disahkan oleh LHDNM.

Menurut pengamatan juruaudit LHDNM, sering berlaku salah faham dalam kalangan pembayar cukai yang tidak pernah menghantar BNCP kerana menganggap zakat yang dibayar sudah memadai. Zakat merupakan kewajipan bagi umat Islam jika cukup syaratnya yang boleh mengurangkan jumlah cukai, namun pembayar cukai perlu menghantar BNCP mereka untuk ditaksir terlebih dahulu. Walaupun zakat dibayar dengan jumlah yang besar, pembayar cukai boleh dikenakan tindakan undang-undang jika gagal mengemukakan BNCP pada masa yang ditetapkan.

Berlaku juga salah faham yang mengatakan apabila mendaftar fail cukai, pembayar cukai akan terus membayar cukai. Sebenarnya cukai akan ditaksir terlebih dahulu berdasarkan pelaporan pendapatan dalam BNCP. Tidak semestinya selepas mendaftar fail cukai pendapatan terus dicukaikan. Hal ini bergantung pada pelaporan, jumlah pelepasan, penyata kewangan dan segala maklumat yang dikemukakan oleh pembayar cukai sebelum dikenakan cukai. Mereka yang berniaga secara dalam talian mahupun gerai di pinggir jalan, perlu mendaftar fail cukai di LHDNM untuk ditaksir keuntungan yang dijanakan.

Seharusnya dalam hal percukaian sedemikian, pembayar cukai perlu merujuk cawangan LHDNM berdekatan bagi mengelakkan salah faham. Pemahaman yang betul dan luas dalam aspek percukaian mampu memberikan nilai tambah kepada perancangan kewangan individu bagi memastikan segala perancangan berada di landasan yang betul. ●

**Mereka yang berniaga secara dalam talian mahupun gerai di pinggir jalan, perlu mendaftar fail cukai di LHDNM untuk ditaksir keuntungan yang dijanakan.**